

**NO. SOALAN: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ**

**TARIKH : 16 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9640**

**SOALAN :**

**Dato' Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat ini berapa ramaikah rakyat Malaysia yang terlibat dengan gerakan DAESH dan gejala ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2013 hingga 22 Februari 2017, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menangkap seramai 234 orang rakyat Malaysia yang terlibat dengan Daesh. Selain itu, PDRM juga telah mengenal pasti seramai 95 orang rakyat Malaysia yang menyertai kumpulan pengganas di Syria. Daripada jumlah tersebut, 30 daripadanya telah meninggal dunia manakala 8 lagi telah ditangkap sebaik sahaja kembali ke Malaysia.**

**Berdasarkan kepada beberapa peristiwa serangan pengganas pada masa ini, Kerajaan juga telah meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti kawasan pelancongan, kepentingan negara asing dan sasaran penting. Kawalan keselamatan dilaksanakan menerusi konsep “Strategi Lautan Biru Kebangsaan” melibatkan kerjasama agensi-agensi keselamatan terutamanya PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).**

**Pada masa sama, kawalan di semua pintu masuk utama dan sempadan negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan antaranya penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.**

**Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia dengan melaksanakan operasi dan tangkapan dari semasa ke semasa.**